

Headline	Kena bayar 10 peratus sebelum akhir bulan ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	14
ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,364		



## Tunggakan bil elektrik RM2.02 juta

# Kena bayar 10 peratus sebelum akhir bulan ini

**Kuala Lumpur:** Hasil rundingan dijalankan, proses pemotongan bekalan elektrik di Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 yang dijadual dilaksanakan pada 17 Januari ini, akan ditangguhkan.

Wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangaspuri terbabit yang dihubungi *BH*, semalam mengesahkan perkara itu dan memaklumkan TNB bersetuju menangguhkan pemotongan jika pihaknya membayar 10 peratus (RM200,000) daripada RM2 juta bil elektrik tertunggak.

"Satu rundingan diadakan antara wakil-wakil JMB, Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak, pi-

hak TNB dan syarikat pemaju yang diwakili peguam masing-masing, hari ini (semalam).

"Hasil rundingan, pihak TNB menawarkan jalan penyelesaian sementara itu iaitu menuntut JMB membayar 10 peratus daripada nilai keseluruhan bil yang tertunggak sebelum 31 Januari ini," katanya.

Tambahnya, sekiranya JMB membuat pembayaran RM200,000 itu, pihak TNB akan menawarkan satu perjanjian penyelesaian bayaran baki tertunggak dalam tempoh 36 bulan dan butiran lanjut mengenai kaedah dan jumlah pembayaran akan dibincangkan lanjut selepas itu.

"Buat masa ini, rundingan di setiap blok dijalankan untuk memohon kerjasama setiap penghuni di 1,440 kediaman di lima blok, di sini membuat pembayaran (yuran penyelenggaraan semasa dan tertunggak) sekurang-kurangnya RM200.

"Ini bagi membantu JMB mengumpul wang RM200,000 untuk membuat pembayaran kepada pihak TNB sebelum akhir bulan ini (31 Januari), kita mempunyai 15 hari lagi untuk selesaikan," katanya.

*BH* sebelum ini melaporkan JMB Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 akan mengadakan rundingan lanjut dengan TNB berhubung notis pe-

motongan bekalan elektrik kerana JMB gagal melunaskan tunggakan bil elektrik mencecah RM2 juta.

Wakil JMB dilaporkan berkata, sekiranya TNB meneruskan pemotongan bekalan elektrik yang dijadualkan pada 17 Januari ini, perkara itu akan menjelaskan fungsi pam bekalan air, lif dan lampu koridor di keseluruhan lima blok pangaspuri terbabit.

Katanya, tunggakan bil elektrik mencecah RM2.02 juta ringgit sejak 2023 menyebabkan pihak TNB mengemukakan tuntutan kepada syarikat pemaju, baru-baru ini, untuk menyelesaikan tunggakan itu.